

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
PASIR GUDANG, JOHOR
MAJLIS PENAMAAN DAN PELANCARAN KAPAL LATIHAN PERIKANAN
"PAUS"
02 FEBUARY 1991**

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Johor dan Puan Sri Hajjah NoorAini, Yang Berhormat Dato Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian; Yang Berbahagia Senator Jeneral Tan Sri Dato Mohd. Ghazali Seth, Pengerusi Malaysian Shipyard Engineering(MSE); Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Alhamdullillah syukur ke hadrat Ilahi kerana sekali lagi saya dapat berada di MSE, di tempat pelancaran ini, buat kali kedua. Kali yang pertama saya hadir ialah pada tahun 1985 semasa saya melancarkan Kapal Diraja Marikh.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian dan juga MSE kerana sudi menjemput saya ke majlis pada hari ini dan memberi penghormatan bagi saya melancarkan Kapal Latihan Jabatan Perikanan.

3. Saya berasa gembira kerana MSE kebelakangan ini semakin bertambah maju dalam bidang baikpulih kapal, pembinaan kapal dan juga kejuruteraan, terutama sekali kejayaan dalam pembinaan kapal-kapal baru yang kita dapat saksikan pada hari ini. Kita telah diberitahu bahawa MSE telah membina berbagai-bagai jenis kapal yang beratnya kurang daripada 10,000 tan. Malahan MSE telah juga dapat merekacipta sebahagian daripada kapal-kapal baru yang dibina di MSE. Saya juga telah diberitahu bahawa Kapal Latihan Perikanan yang akan dilancarkan pada hari ini adalah merupakan kapal yang ke-41 yang dibina dan disiapkan oleh MSE.

Para hadirin sekalian,

4. Dengan siapnya Kapal Latihan ini, dapat dibuktikan bahawa MSE mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam pembinaan kapal-kapal laut. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak MSE yang telah dapat menyempurnakan kehendak-kehendak dalam jurusan pembinaan kapal. Juga ini dapat membuktikan betapa mustahaknya kerjasama yang rapat di antara pihak Kementerian Pertanian dan juga MSE sehingga projek ini dapat disempurnakan.

5. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pertanian kerana berjaya mewujudkan kapal latihan ini dan seterusnya berjaya maju setapak lagi dalam kegiatan perikanan laut dalam. Seperti kita sedia maklum, Malaysia mempunyai laut dalam yang luas di perairan Zon Ekonomi Eksklusif yang mana terdapat sumber perikanan yang banyak yang masih boleh diterokai oleh rakyat. Pembinaan kapal latihan laut dalam ini mencerminkan

kesungguhan Kerajaan Malaysia dalam membangunkan perusahaan perikanan laut dalam bagi tujuan meningkatkan taraf hidup rakyat, khususnya masyarakat nelayan.

6. Latihan Angkatan Perikanan Laut Dalam adalah satu- satunya program Kementerian Pertanian bagi mewujudkan satu kumpulan nelayan yang berdisiplin, tahan lasak dan terlatih. Kapal ini dapat meningkatkan keupayaan dan kemudahan latihan ini. Adalah diharapkan supaya lebih ramai rakyat Malaysia menceburi perikanan laut dalam. Kita perlu mengambil bahagian yang lebih cergas dalam perikanan laut dalam kerana kita tidak mahu sumber-sumber di Zon Eksklusif Malaysia terus menjadi tumpuan bot-bot nelayan asing.

7. Perkembangan perikanan laut dalam adalah menggalakkan pada beberapa tahun ke belakang ini, dan ini adalah satu kejayaan kepada Malaysia. Kita harus bersaing hebat dengan negara-negara yang telah maju dalam bidang perikanan laut dalam supaya kita tidak terus tertinggal di belakang.

Para hadirin sekalian,

8. Saya ingin menyeru kepada semua kakitangan MSE dan Jabatan Perikanan untuk bekerja dengan lebih gigih demi kepentingan negara dan saya percaya pihak Jabatan Perikanan dan MSE mempunyai keupayaan masing-masing dalam usaha- usahanya untuk membangunkan industri perikanan sebagai industri yang penting di negara ini. Saya juga menyeru kepada usahawan-usahawan dan nelayan-nelayan untuk menyahut seruan Kerajaan untuk menceburi di dalam projek menangkap ikan di lautan dalam.

9. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pegawai-pegawai Jabatan Perikanan yang telah berjaya memesatkan perikanan laut dalam dengan adanya bot latihan ini. Saya sudah pasti suami saya turut gembira dan merasa megah sekiranya berkesempatan melihat kapal ini yang dapat disiapkan dalam masa yang singkat. Beliau tidak dapat bersama-sama kerana urusan-urusan yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu beliau mengirinkan salam kepada semua yang hadir. Insya-Allah satu hari nanti beliau akan berpeluang untuk menangkap ikan menggunakan kapal ini bersama-sama dengan nelayan tempatan.

10. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas kesudian Kementerian Pertanian dan MSE menjemput saya hadir bersama-sama dengan tuan-tuan dan Puan- puan dalam majlis ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.